

Dr. Mahathir digesa campur tangan

PULAU PINANG 17 Mei - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad digesa campur tangan dalam isu melibatkan cadangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk memperkenalkan semula sekatan perjalanan ke luar negara terhadap peminjam.

Timbalan Ketua Cabang PKR Permatang Pauh, Dr. Afif Bahardin berkata, ini kerana ia melibatkan janji Pakatan Harapan kepada rakyat sebelum ini.

"Cadangan PTPTN untuk memperkenalkan semula sekatan perjalanan ke luar negara terhadap peminjam adalah sesuatu yang amat dikesali.

"Saya juga ingin menyeru Dr. Mahathir untuk campur tangan dalam hal ini kerana ia melibatkan janji Pakatan Harapan dan juga aspirasi anak muda yang tidak ingin melihat isu kos sara hidup tinggi menjadi satu lagi beban kepada generasi yang akan datang," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, memperkenalkan semula amalan yang dipraktikkan Barisan Nasional (BN) adalah sesuatu perkara

yang tidak patut dipertimbangkan oleh Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan.

"Saya ingin ingatkan Wan Saiful bahawa isu PTPTN ini menjadi *rallying cry* bagi Pemuda Pakatan Harapan.

"Kami sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dahulu telah menggerakkan golongan muda seluruh negara agar PTPTN mencari satu formula yang lebih berkesan untuk masa akan datang," katanya.

Katanya, ia juga menjadi salah satu faktor penentu golongan muda di negara ini mengubah sokongan mereka kepada Pakatan Harapan dan menumbangkan BN dalam PRU-14 lalu.

"Hanya dengan mempunyai niat untuk mengembalikan amalan tersebut umpama mengkhianati perjuangan awal golongan muda dalam Pakatan Harapan.

"Saya berpendapat jika saudara Wan Saiful tidak mampu mempertahankan janji Pakatan Harapan, adalah kena pada masanya memikirkan posisi beliau dalam PTPTN sebagai pengerusi badan tersebut," katanya.



AFIF BAHARDIN